



26 Disember 2017
26 December 2017
P.U. (A) 409

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN (PELAPORAN MENGIKUT NEGARA) 2017

LABUAN BUSINESS ACTIVITY TAX (COUNTRY-BY-COUNTRY REPORTING) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990

PERATURAN-PERATURAN CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN (PELAPORAN
MENGIKUT NEGARA) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 21 Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pelaporan mengikut Negara) 2017**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“entiti konstituen” ertinya—

- (a) mana-mana unit perniagaan yang berasingan suatu Kumpulan MNE yang dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan Kumpulan MNE itu atau yang akan dimasukkan jika kepentingan ekuiti dalam unit perniagaan itu diniagakan di bursa sekuriti awam;
- (b) mana-mana unit perniagaan yang berasingan suatu Kumpulan MNE yang tidak dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan Kumpulan MNE itu semata-mata atas alasan saiz atau kepentingan;
- (c) mana-mana establismen tetap mana-mana unit perniagaan yang berasingan Kumpulan MNE yang disebut dalam perenggan (a) atau (b), dengan syarat unit perniagaan itu menyediakan penyata kewangan berasingan bagi establismen tetap itu bagi maksud pelaporan kewangan, pengawalseliaan, pelaporan cukai atau kawalan pengurusan dalaman;

“entiti pemegangan muktamad” ertinya suatu entiti konstituen suatu Kumpulan MNE yang memiliki secara langsung atau tidak langsung suatu kepentingan yang mencukupi dalam satu atau lebih entiti konstituen yang lain Kumpulan MNE itu dan tiada entiti konstituen lain kumpulan MNE itu yang memiliki secara langsung atau tidak langsung kepentingan itu dalam entiti konstituen yang mula-mula disebut itu;

“Kumpulan MNE” ertinya suatu kumpulan perusahaan multinasional yang berkaitan melalui pemilikan atau kawalan yang dengan itu ia dikehendaki untuk menyediakan penyata kewangan disatukan bagi maksud pelaporan kewangan di bawah prinsip perakaunan yang terpakai atau akan dikehendaki untuk berbuat demikian sekiranya kepentingan ekuiti dalam mana-mana perusahaannya diniagakan di bursa sekuriti awam yang termasuk—

- (a) dua atau lebih perusahaan yang mastautin cukainya adalah di dalam wilayah bidang kuasa yang berlainan; atau
- (b) suatu perusahaan yang merupakan entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perniagaan Labuan dan tertakluk kepada cukai berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan melalui suatu establismen tetap di dalam wilayah bidang kuasa yang lain, atau suatu perusahaan yang bermastautin di dalam wilayah bidang kuasa yang lain dan tertakluk kepada cukai berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan melalui suatu establismen tetap di Labuan;

“Laporan mengikut Negara” ertinya laporan yang disebut dalam peraturan 4;

“tahun kewangan” ertinya suatu tempoh perakaunan tahunan yang berkenaan dengannya entiti pemegangan muktamad suatu Kumpulan MNE menyediakan penyata kewangannya;

“tahun kewangan pelaporan” ertinya tahun kewangan yang keputusan kewangan dan operasinya ditunjukkan dalam Laporan mengikut Negara.

Pemakaian

3. Peraturan-Peraturan ini terpakai bagi suatu Kumpulan MNE yang—
- (a) jumlah hasil kumpulan disatukan dalam tahun kewangan sebelum tahun kewangan pelaporan ialah sekurang-kurangnya tiga bilion ringgit; dan
 - (b) entiti pemegangan muktamadnya atau mana-mana entiti konstituennya ialah suatu entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perniagaan Labuan.

Laporan mengikut Negara

4. (1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, suatu Laporan mengikut Negara berkenaan dengan suatu Kumpulan MNE hendaklah mengandungi—
- (a) maklumat agregat yang berhubungan dengan amaun hasil, keuntungan atau kerugian sebelum cukai pendapatan, cukai pendapatan yang telah dibayar, cukai pendapatan yang terakru, modal yang dinyatakan, perolehan terkumpul, bilangan pekerja dan aset ketara selain tunai atau yang setara dengan tunai berkenaan dengan setiap wilayah bidang kuasa yang di dalamnya Kumpulan MNE itu beroperasi; dan
 - (b) pengenalpastian setiap entiti konstituen Kumpulan MNE itu yang menyatakan wilayah bidang kuasa mastautin cukai entiti konstituen itu, dan wilayah bidang kuasa yang di bawah undang-undangnya entiti konstituen itu diperbadankan, didaftarkan atau ditubuhkan jika ia berlainan daripada wilayah bidang kuasa mastautin cukai entiti konstituen itu, dan sifat aktiviti atau aktiviti-aktiviti perniagaan utama entiti konstituen itu.
- (2) Maklumat kewangan yang disebut dalam perenggan (1)(a) hendaklah disebut dalam ringgit Malaysia (RM).

(3) Maklumat yang dikehendaki dilaporkan di bawah peraturan ini hendaklah mulai 1 Januari 2017.

(4) Laporan mengikut Negara hendaklah difailkan mengikut borang yang ditetapkan di bawah seksyen 21A Akta dalam medium elektronik, atau melalui penghantaran elektronik, dalam format bahasa penanda boleh perluas.

Kewajipan pemfailan

5. Entiti pemegangan muktamad suatu Kumpulan MNE yang merupakan suatu entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perniagaan Labuan hendaklah memfailkan Laporan mengikut Negara yang mematuhi kehendak peraturan 4 dengan Ketua Pengarah berkenaan dengan tahun kewangan pelaporannya dalam tempoh yang dinyatakan dalam peraturan 7.

Pemberitahuan

6. (1) Mana-mana entiti konstituen suatu Kumpulan MNE yang merupakan suatu entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perniagaan Labuan hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis jika entiti konstituen itu merupakan entiti pemegangan muktamad pada atau sebelum hari terakhir tahun kewangan pelaporan.

(2) Jika suatu entiti konstituen Kumpulan MNE yang merupakan suatu entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perniagaan Labuan bukan merupakan entiti pelapor, entiti konstituen itu hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis identiti dan mastautin cukai entiti pelapor, pada atau sebelum hari terakhir tahun kewangan pelaporan.

(3) Mana-mana entiti konstituen Kumpulan MNE yang merupakan suatu entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perniagaan Labuan yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(4) Bagi maksud peraturan ini, “entiti pelapor” ertinya entiti pemegangan muktamad.

Masa pemfailan

7. Laporan mengikut Negara yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah difailkan tidak lewat daripada dua belas bulan selepas hari terakhir tahun kewangan pelaporan.

Penggunaan dan kerahsiaan maklumat Laporan mengikut Negara

8. (1) Ketua Pengarah boleh menggunakan Laporan mengikut Negara bagi maksud menaksir risiko penentuan harga pindahan peringkat tinggi dan risiko berkaitan penghakisan asas dan peralihan keuntungan lain di Malaysia, termasuklah menaksir risiko ketidakpatuhan oleh entiti konstituen Kumpulan MNE itu terhadap kaedah-kaedah penentuan harga pindahan yang terpakai, dan jika berkenaan, untuk analisis ekonomi dan statistik.

(2) Ketua Pengarah tidak boleh menggunakan Laporan mengikut Negara sebagai pengganti bagi analisis penentuan harga pindahan terperinci bagi maksud pelarasan penentuan harga pindahan.

(3) Ketua Pengarah hendaklah menjaga kerahsiaan maklumat yang terkandung dalam Laporan mengikut Negara sekurang-kurangnya pada takat yang sama yang akan terpakai sekiranya maklumat itu diberikan kepada Ketua Pengarah di bawah peruntukan Konvensyen mengenai Bantuan Tadbir Bersama dalam Perkara Cukai.

Kegagalan untuk memfailkan Laporan mengikut Negara

9. (1) Mana-mana orang yang gagal untuk memfailkan suatu Laporan mengikut Negara mengikut peraturan 4, 5 atau 7 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika seseorang telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subperaturan (1), mahkamah boleh membuat perintah selanjutnya supaya orang itu mematuhi peruntukan Peraturan-Peraturan ini yang berkaitan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh perintah itu dibuat atau dalam apa-apa tempoh lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Laporan yang tidak betul

10. Mana-mana orang yang—

- (a) membuat suatu laporan yang tidak betul dengan meninggalkan maklumat yang dikehendaki untuk diberikan mengikut peraturan 4, bagi pihak dirinya atau orang lain; atau
- (b) memberi apa-apa maklumat yang tidak betul berhubung dengan maklumat yang dikehendaki untuk diberikan mengikut peraturan 4, bagi pihak dirinya atau orang lain,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Dibuat 22 Disember 2017

[Perb. 06869/47(SJ.14)(SK.5); LHDN. AN(T).600-6/6; PN(PU2)491]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

LABUAN BUSINESS ACTIVITY TAX ACT 1990

LABUAN BUSINESS ACTIVITY TAX (COUNTRY-BY-COUNTRY REPORTING)
REGULATIONS 2017

IN exercise of the powers conferred by section 21 of the Labuan Business Activity Tax Act 1990 [*Act 445*], the Minister makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Labuan Business Activity Tax (Country-by-Country Reporting) Regulations 2017**.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“constituent entity” means—

- (a) any separate business unit of an MNE Group that is included in the consolidated financial statements of the MNE Group or would be so included if equity interests in such business unit were traded on a public securities exchange;
- (b) any separate business unit of an MNE Group that is excluded from the MNE Group’s consolidated financial statements solely on grounds of size or materiality;
- (c) any permanent establishment of any separate business unit of the MNE Group referred to in paragraph (a) or (b), provided that the business unit prepares a separate financial statement for such permanent establishment for financial reporting, regulatory, tax reporting or internal management control purposes;

“ultimate holding entity” means a constituent entity of an MNE Group that owns directly or indirectly a sufficient interest in one or more other constituent entities of such MNE Group and there is no other constituent entity of such MNE Group that owns directly or indirectly such interest in the first mentioned constituent entity;

“MNE Group” means a collection of multinational enterprises related through ownership or control such that it is required to prepare consolidated financial statements for financial reporting purposes under the applicable accounting principles or would be so required if the equity interest in any of its enterprises were traded on a public securities exchange which includes—

- (a) two or more enterprises the tax residence for which is in different jurisdictions; or
- (b) an enterprise which is a Labuan entity carrying on a Labuan business activity and is subject to tax with respect to the business carried out through a permanent establishment in another jurisdiction, or an enterprise which is resident in another jurisdiction and is subject to tax with respect to the business carried out through a permanent establishment in Labuan;

“Country-by-Country Report” means the report referred to in regulation 4;

“financial year” means an annual accounting period with respect to which the ultimate holding entity of an MNE Group prepares its financial statements;

“reporting financial year” means that financial year the financial and operational results of which are reflected in the Country-by-Country Report.

Application

3. These Regulations shall apply to an MNE Group where—
- (a)* the total consolidated group revenue in the financial year preceding the reporting financial year is at least three billion ringgit; and
 - (b)* its ultimate holding entity or any of its constituent entities is a Labuan entity carrying on a Labuan business activity.

Country-by-Country Report

4. (1) For the purposes of these Regulations, a Country-by-Country Report with respect to an MNE Group shall contain—

- (a)* the aggregate information relating to the amount of revenue, profit or loss before income tax, income tax paid, income tax accrued, stated capital, accumulated earnings, number of employees and tangible assets other than cash or cash equivalents with regard to each jurisdiction in which the MNE Group operates; and
- (b)* the identification of each constituent entity of the MNE Group setting out the jurisdiction of tax residence of such constituent entity, and the jurisdiction under the laws of which such constituent entity is incorporated, registered or established if it is different from the jurisdiction of tax residence of such constituent entity, and the nature of the main business activity or activities of such constituent entity.

(2) The financial information referred to in paragraph (1)(a) shall be denominated in Malaysian ringgit (RM).

(3) The information required to be reported under this regulation shall be from 1 January 2017.

(4) The Country-by-Country Report shall be filed in the form prescribed under section 21A of the Act on an electronic medium, or through an electronic transmission, in extensible markup language format.

Filing obligation

5. The ultimate holding entity of an MNE Group which is a Labuan entity carrying on a Labuan business activity shall file a Country-by-Country Report conforming to the requirements of regulation 4 with the Director General with respect to its reporting financial year within the period specified in regulation 7.

Notification

6. (1) Any constituent entity of an MNE Group which is a Labuan entity carrying on a Labuan business activity shall notify the Director General in writing if it is the ultimate holding entity on or before the last day of the reporting financial year.

(2) Where a constituent entity of an MNE Group which is a Labuan entity carrying on a Labuan business activity is not the reporting entity, the constituent entity shall notify the Director General in writing of the identity and tax residence of the reporting entity, on or before the last day of the reporting financial year.

(3) Any constituent entity of an MNE Group which is a Labuan entity carrying on a Labuan business activity who contravenes subregulation (1) or (2) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one million ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

(4) For the purpose of this regulation, “reporting entity” means the ultimate holding entity.

Time for filing

7. The Country-by-Country Report required under these Regulations shall be filed not later than twelve months after the last day of the reporting financial year.

Use and confidentiality of Country-by-Country Report information

8. (1) The Director General may use the Country-by-Country Report for the purposes of assessing high-level transfer pricing risks and other base erosion and profit shifting related risks in Malaysia, including assessing the risk of non-compliance by constituent entities of the MNE Group with applicable transfer pricing rules, and where appropriate, for economic and statistical analysis.

(2) The Director General shall not use the Country-by-Country Report as a substitute for a detailed transfer pricing analysis for the purpose of transfer pricing adjustments.

(3) The Director General shall preserve the confidentiality of the information contained in the Country-by-Country Report at least to the same extent that would apply if such information were provided to the Director General under the provisions of the Convention on Mutual Administrative Assistance in Tax Matters.

Failure to file Country-by-Country Report

9. (1) Any person who fails to file a Country-by-Country Report in accordance with regulation 4, 5 or 7 commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one million ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

(2) Where a person has been convicted of an offence under subregulation (1), the court may make a further order that the person shall comply with the relevant provision of these Regulations within thirty days from the date the order is made or such other period as the court deems fit.

Incorrect report

10. Any person who—

- (a) makes an incorrect report by omitting the information required to be provided in accordance with regulation 4, on behalf of himself or another person; or

(b) gives any incorrect information in relation to the information required to be provided in accordance with regulation 4, on behalf of himself or another person,

commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one million ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

Made 22 December 2017

[Perb. 06869/47(SJ.14)(SK.5); LHDN. AN(T).600-6/6; PN(PU2)491]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance